

MPC.600-2/6/8

27 November 2020

Powernode Solution Sdn Bhd
2A-1ST Floor, Jalan Putra Mahkota 7/7A
Putra Height
47650 Subang Jaya
Selangor.

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY BLUEPRINT (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT PEBBLE3D SDN. BHD.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik tuan/puan dari **Powernode Solution Sdn Bhd** untuk pelaksanaan skim di atas bagi syarikat yang dinyatakan. Di dalam program ini, tuan/puan dikehendaki untuk melaksanakan Intervensi dalam bidang **Pengurusan Lean** meliputi latihan dan khidmat nasihat bagi membolehkan syarikat ini berjaya menamatkan projek pembangunan sistem dengan jayanya.
3. Pelantikan tuan/puan untuk melaksanakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) bagi syarikat ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa antara 4 – 6 bulan bermula **November 2020 hingga Mei 2021**.
4. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas bagi program ini ialah sebanyak **RM19,800.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.
5. Sekiranya pihak tuan/puan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Aduan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan/puan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

6. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan/puan dalam menjayakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN HJ ELIAS)

Timbalan Pengarah

Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti

b.p. Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Skop Kerja Projek bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak perunding Powernode Solution Sdn Bhd (**perunding**). Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu syarikat dalam Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

Carta Perbatuan Projek : PEBBLE3D SDN. BHD.
Jangkamasa : 4 – 6 bulan

Bidang Intervensi: Pengurusan Lean

Fasa	Perkara	Jumlah Hari	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr
1	Taklimat Pengurusan Lean Gamba	1						
	Latihan 1: Sistem Pengurusan Lean (LPS)	2						
2	Lawatan Perundingan 2	1						
	Lawatan Perundingan 3	1						
	Lawatan Perundingan 4	1						
	Latihan 2: Kursus Value Stream Mapping	2						
	Lawatan Perundingan 5	1						
	Lawatan Perundingan 6	1						
	Lawatan Perundingan 7	1						
3	Lawatan Perundingan 8	1						
	Lawatan Perundingan 9	1						
	Pembentangan Akhir dan Penilaian Akhir	1						
	Jumlah hari	14						

**Syarat Pelantikan bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM1,700 sehari** (7 jam);
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan perundingan ialah **RM1,300.00** sehari;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan, penginapan, material program dan lain-lain yang diperlukan untuk kursus tersebut;**
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
7. Perunding tidak mengendalikan lebih dari 3 projek pada satu-satu masa;
8. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
9. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
10. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
11. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
12. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC termasuk laporan A3 yang disertakan. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk Para 2 Lampiran 3);
13. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
14. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan);
15. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi;
16. Menyediakan laporan akhir dan laporan dalam format A3 yang diserahkan bersama-sama tuntutan akhir (Fasa 3);
17. Perunding dilarang untuk mengenakan sebarang yuran tambahan kepada pihak syarikat.

* Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.

Lampiran 3

Butiran Bayaran bagi Perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)

1. Kadar Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

1.	4 Hari Latihan @ RM1,700 sehari	RM	6,800.00
2.	10 Hari Taklimat / Perundingan @ RM1,300 hari	RM	13,000.00

Jumlah	RM 19,800.00
Jumlah Keseluruhan	RM 19,800.00

* Kadar ini adalah termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan bahan program (seperti nota kursus).

** Kadar ini berbeza mengikut samada kadar setempat atau kadar luar kawasan (kadar yang dinyatakan di atas adalah kadar setempat).

2. Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran.

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Yuran sehari (RM)	Jumlah (RM)
FASA 1: ASAS LEAN, SITUASI SEMASA, PENENTUAN MATLAMAT				
1	Taklimat & Diagnostik Gemba	1	1,300.00	1,300.00
2	Latihan 1: Sistem Pengeluaran Lean (LPS)	2	1,700.00	3,400.00
FASA 2: LATIHAN & PERUNDINGAN				
3	Lawatan perundingan 2	1	1,300.00	1,300.00
4	Lawatan perundingan 3	1	1,300.00	1,300.00
5	Lawatan perundingan 4	1	1,300.00	1,300.00
6	Latihan 2: Value Stream Mapping	2	1,700.00	3,400.00
7	Lawatan perundingan 5	1	1,300.00	1,300.00
8	Lawatan perundingan 6	1	1,300.00	1,300.00
9	Lawatan perundingan 7	1	1,300.00	1,300.00
FASA 3: PERUNDINGAN, PEMBENTANGAN & DIAGNOSTIK				
10	Lawatan Perundingan 8	1	1,300.00	1,300.00
11	Lawatan Perundingan 9	1	1,300.00	1,300.00
12	Pembentangan Akhir & Diagnostik	1	1,300.00	1,300.00
	Jumlah	14		19,800.00

No Rujukan: MPC.600-2/6/8

___ November 2020

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Zainudin Elias)

Faks : 03-7954 7910

Tuan/Puan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING SKIM
PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY
BLUEPRINT (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT PEBBLE3D SDN. BHD.**

Saya _____ mewakili pihak syarikat
POWERNODE SOLUTION SDN BHD no. K/P: _____ bersetuju
dilantik sebagai perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia
Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) untuk syarikat **PEBBLE3D SDN. BHD.** yang
bernilai **RM19,800.00** dalam tempoh **November 2020 hingga Mei 2021.** Saya
memahami dan akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut
spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam
spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :